



KENYATAAN MEDIA

22 Mei 2016

PPIPT Hargai Pencapaian Pelajar

ALOR SETAR, 22 Mei – Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan(PPIPT) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah menganjurkan Majlis Makan Malam, Business School Association 2016 (AGDBESCA16) bagi menghargai pencapaian pelajar-pelajarnya.

Majlis yang berlangsung di Hotel Star City, di sini, disempurnakan Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal.

Turut hadir, Penolong Naib Canselor (Komunikasi Korporat) Datin Prof. Dr. Zuraidah Mohd. Zain, Dekan PPIPT Prof. Madya Dr. Hazry Desa, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Akademik) Dr. Tunku Salha Tunku Ahmad, Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Muhamad Azan Yaakob.

Antara anugerah yang disampaikan kepada para pelajar adalah Anugerah Kecemerlangan Akademik Perniagaan Antarabangsa bagi kategori pelajar tempatan dan antarabangsa, Anugerah Kecemerlangan Akademik Keusahawanan Kejuruteraan, Anugerah Ikon Keusahawanan, Anugerah Kesukaan, Anugerah Kebudayaan, dan Anugerah Kepimpinan.

AGDBESCA16 juga turut mencatat sejarah apabila kira-kira lebih 400 tetamu hadir pada majlis tersebut.

Penganjurannya juga turut mendapat tajaan sepenuhnya daripada One Nation Technical Education, GISB Enterprise, Madani Offshore Sdn. Bhd., Ada Hotel & Apartment, Medic Link Marketing, Pinnikle SdnBhd, dan Hannah Cookies Coffee House.

Dikeluarkan Oleh :

Nurul Syawaliah Mansor (nurulsyawaliahmansor@gmail.com)

Disahkan oleh :

Mohd Basri Basir

Unit Media UniMAP